

Anggota Kabinet terbabit rasuah wajib digugurkan

Anwar sudah arah SPRM ambil tindakan jika menteri terbabit salah laku

Oleh Rohaniza Idris
dan Illah Hafiz Abd Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan mana-mana anggota Kabinet di bawah pimpinannya yang didapati terbabit dengan salah laku rasuah, wajib digugurkan daripada jawatan mereka.

Perdana Menteri berkata tindakan itu diambil bagi menyelamatkan negara daripada gejala rasuah.

Malah, beliau juga sudah mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil tindakan terhadap jemaah Menteri yang didapati terbabit dengan salah laku itu.

"Sudah setahun lebih kita memerintah...banyak diserang, tetapi saya tanya di Parlimen dan di luar Parlimen beri satu bukti menteri, perdana menteri sekarang kalau mereka ada rasuah dan kalau ada, kita siasat, dakwa dan ikut badan kehakiman...hukum.

"Namun tidak ada, dan (selepas) setahun tiga bulan saya 'tabik' dengan rakan-rakan, kita bo-

leh beri imej rakan kepimpinan yang bersih daripada rasuah, dan ingatan itu jelas.

"Kalau ada, saya akan kata jangan tanya saya, persila ambil tindakan dan orang berkenaan wajib digugurkan, baru negara selamat," katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan (NAGS) 2024 di sini, semalam.

Program sehari itu dianjurkan Kementerian Sumber Manusia dan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) dengan kerjasama SPRM.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad.

Dalam ucapannya itu, Anwar turut memberi peringatan keras supaya SPRM tidak mengecualikan mana-mana siasatan ke atas kepimpinan yang ada sekarang berkaitan rasuah.

Katanya, SPRM juga boleh memantau setiap tender atau keputusan yang dibuat kerajaan.

Menurutnya, ketika ini ramai dalam kalangan elit, sama ada orang politik, korporat atau pun bekas pengurusan negara yang tidak senang dengan wacana mengenai rasuah kerana mereka sudah bergelumang dengannya.

Malah, katanya mereka yang terpalit dengan rasuah akan me-

lawan dengan 'kencang' dan kuat.

"Kalau di Parlimen melalak tak tentu arah, sampai ada seorang Ahli Parlimen ini marah sangat kerana didakwa hingga dia kata ini Perdana Menteri pun korup.

"Tapi apa buktinya, apa laporannya. Tidak ada dan tidak mengapalah kerana saya dan rakan-rakan (Kabinet) boleh jawab (tuduhan)," katanya.

Anwar menegaskan apa yang penting, semua orang perlu sedar dan memberi dokongan yang penuh kepada SPRM dan kerajaan dalam usaha melawan rasuah.

"Jangan sesekali berasa lemah, kalau kita berasa lemah negara ini akan hancur," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Anwar menyatakan kebimbangan dengan kefahaman yang mendatar dan dangkal berkaitan rasuah.

"Kadang-kadang, dia kata tak apalah rasuah, 1MDB atau Spanco itu biasalah. Jadi Menteri Kewangan tak rasuah, bodohlah, jadi Perdana Menteri tak kaya tak cerdik. Tapi apa kesan dia, kita tak dapat apa-apa.

"Jadi, kefahaman mengenai rasuah itu sangat mendatar dan dangkal, dia lupa berpuluh bilion sepatutnya hak rakyat ini sudah disakau," katanya.

Anwar turut mempersoal sikap pemimpin pembangkang yang dilihat masih membisu dan tidak menyatakan sebarang sokongan terhadap usaha SPRM menyasat golongan atasan dikaitkan dengan isu rasuah.